

# MENELUSURI ADAB PERUNDINGAN PEMERINTAH KERAJAAN KESULTANAN MELAYU DALAM MENJALINKAN HUBUNGAN DIPLOMATIK

Salmah Jan Noor Muhammad  
[salmahjan@upm.edu.my](mailto:salmahjan@upm.edu.my)  
Jabatan Bahasa Melayu  
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi  
Universiti Putra Malaysia

Adab merupakan ilmu pengetahuan manusia tentang kaedah pergaulan sama ada dari aspek perilaku dan pertuturan sesama manusia. Adab membentuk jati diri sesebuah bangsa. Manakala perundingan ialah pengaplikasian strategi dan taktik untuk mengendalikan sesuatu isu. Isu yang akan menjadi tumpuan perbincangan ialah isu diplomatik. Dalam makalah ini, akan dibicarakan tentang adab perundingan yang diaplikasikan oleh pemerintah sesebuah kerajaan pada zaman kesultanan Melayu dalam menjalinkan hubungan diplomatik. Tanpa adab perundingan yang betul dan berkesan, hubungan diplomatik tidak akan terjalin dan kadang kala boleh membawa kepada bencana misalnya berlakunya peperangan dan pembunuhan. Justeru, objektif kajian ini ialah mengenal pasti adab perundingan yang diamalkan oleh pemerintah kesultanan Melayu, menganalisis pengaplikasian adab perundingan tersebut dalam manuskrip pilihan dan merumuskan keberkesanan adab perundingan tersebut terhadap pemerintahan kerajaan kesultanan Melayu. Kaedah kepustakaan akan digunakan untuk mendapatkan maklumat yang bertepatan dengan objektif kajian. Jangkaan hasil dapatan akan menunjukkan bahawa adab perundingan yang diamalkan oleh pemerintah kerajaan kesultanan Melayu telah membawa kepada keberkesanan bersifat positif dalam jalinan hubungan diplomatik. Naskhah tumpuan perbincangan ialah *Al-Tarikh Salasilah Negeri Kedah* karangan Muhammad Hassan Dato" Kerani Muhammad Arshaddan ditransliterasikan oleh Mohd Zahid Mohd Shah yang diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur pada tahun 1968.

Kata kunci: Adab, Perundingan, Kesultanan, Melayu, Diplomatik

## PENGENALAN

Adab merujuk kepada perkara yang baik sama ada dari aspek perbuatan dan pertuturan. Menurut al-Attas (1996:60), secara etimologi (bahasa); adab berasal dari bahasa Arab iaitu *addaba-yu'addibu-ta'dib* yang telah diterjemahkan oleh al-Attas sebagai 'mendidik' atau 'pendidikan'. Dalam kamus *Al-Munjid* dan *Al Kautsar*, adab dikaitkan dengan akhlak yang memiliki arti budi pekerti, perangai, tingkahlaku atau tabiat sesuai dengan nilai-nilai agama Islam. Menurut Sahilun A. Nasir (1991:14) dalam bahasa Yunani, adab disamakan dengan kata *ethicos* atau *ethos*, iaitu kebiasaan, perasaan batin, kecenderungan hati untuk melakukan perbuatan. *Ethicos* kemudian berubah menjadi etika. Selain itu, Ibrahim Anis (1972:202) mengatakan adab ialah ilmu yang objeknya membahaskan nilai-nilai yang berkaitan dengan perbuatan manusia manakala Hamzah Ya'qub (1993:13-14) mengemukakan pengertian adab sebagai berikut; a) Adab ialah ilmu yang menentukan batas antara baik dan buruk, antara terpuji dan tercela, tentang perkataan atau perbuatan manusia lahir dan batin. Adab ialah ilmu pengetahuan yang memberikan pengertian tentang baik dan buruk, ilmu yang mengajarkan

pergaulan manusia dan menyatakan tujuan mereka yang terakhir dari seluruh usaha dan pekerjaan mereka.

Perundingan merupakan satu proses yang dilakukan untuk mencapai kata sepakat untuk menyelesaikan konflik atau menerima dan menolak sesuatu perkara yang melibatkan dua pihak atau lebih. Menurut Caplon (1979) perundingan melibatkan ciri kesukarelaan dan perhubungan yang wujud antara dua professional itu tidak melibatkan perhubungan berhierarki. David Oliver (1990:3-4) berpendapat bahawa perundingan ialah satu transaksi apabila kedua-dua pihak mempunyai kuasa pembatal dalam usaha mencapai sesuatu keputusan. Perundingan memerlukan keizinan yang dibuat secara sukarela dan memerlukan tolak ansur.

Sementara itu, Mokhtar Muhammad (2005:18), mendefinisikan diplomatik sebagai hubungan tersusun antara kerajaan dan merupakan rangka asas kepada perhubungan antara negara dengan menggunakan kebijaksanaan dan budi bicara dalam perhubungan rasmi di antara negara. Manakala Asrar Omar (2003:2) mengatakan bahawa diplomatik ialah perkara yang melibatkan hubungan antarabangsa hubungan yang melampaui sempadan sesebuah negara. Henderson (1998:1) pula mentakrifkan diplomatik sebagai proses pembahagian kuasa di antara negara-negara di peringkat antarabangsa. Salmah Jan Noor Muhammad. (2015:137) pula berpendapat diplomatik ialah perancangan atau penyusunan sesuatu jalinan hubungan antara kerajaan yang dilakukan secara sistematis dengan menggunakan daya fikir dan daya tenaga bagi mencapai misi dan visi yang telah ditetapkan. Sultan yang dibantu oleh golongan pelaksana, iaitu golongan pembesar bekerjasama dan berganding bahu dari sudut akal fikir dan tenaga untuk merangka strategi terbaik bagi melindungi kerajaannya. Justeru, adab perundingan dan diplomatik dapat didefinisikan sebagai tatacara hidup serta ilmu pengetahuan tentang perilaku dalam strategi tawar-menawar antara dua atau lebih pihak dalam melangsungkan sebuah hubungan tanpa sempadan yang bermatlamatkan kesepaduan dan pengukuhan ukhwa dalam hubungan.

Salah satu perkara penting dalam adab perundingan ini ialah matlamat dan kepentingan terhadap sesebuah kerajaan. Ini kerana matlamat utama dalam adab perundingan ialah untuk membentuk hubungan baik dengan pihak lawan, mencari penyelesaian yang membawa kebaikan kepada kedua-dua pihak dan, memahami motif dan permasalahan yang dihadapi. Sementara itu, kepentingannya ialah mengukuhkan dan mempereratkan hubungan, menggalakkan kesedaran untuk mengenali latar belakang kerajaan, meningkatkan semangat kerjasama, mengurangkan ketegangan yang berlaku serta dapat memperbaiki komunikasi antara kerajaan yang bermasalah.

Dalam hal ini, elemen utama dalam perundingan tertumpu kepada juru runding. Juru runding sama ada pemerintah mahu pun wakil pemerintah kerajaan perlu mengetahui kaedah untuk menangani isu substantif yang menjadi punca konflik, pengendalian secara ketara dan tidak ketara, kemahiran komunikasi dan kuasa kepada diri perunding. Tanggungjawab penting terletak di bahu perunding ini selari dengan pendapat Abdullah Hassan dan Ainon Mohd (2007: 147). Mereka berpendapat bahawa perunding atau orang tengah berfungsi untuk meleraikan konflik, memberhentikan pergaduhan yang meletus, dan mengurangkan konflik yang meruncing. Katz & Kahn (1978) mengatakan bahawa kebanyakan perunding berpendapat bahawa fokus yang penting ialah cara proses perundingan itu dilaksanakan. Lazimnya, pelaksanaannya menggunakan sumber maklumat yang baik. Tujuan proses adalah supaya sumber yang mendapat khidmat itu menukarkan keadaan semasanya ke arah matlamat yang hendak dicapai. Pendek kata, perkara yang perlu diberi perhatian sebelum berunding ialah mengenal pasti pihak yang diajak berunding, bilangan perunding, isu-isu agama, nilai, adat resam dan kepercayaan, ketetapan waktu berunding, tempat dan ketua perunding.

Apabila membincangkan tentang adab perundingan yang diaplikasikan oleh pemerintah kerajaan dalam menjalinkan hubungan diplomatik, penulis tertarik untuk membincangkan sebuah naskhah Melayu, iaitu *Al-Tarikh Salasilah Negeri Kedah*. Pada

pendapat penulis, terdapat adab perundingan dominan yang dapat diketengahkan menerusi naskhah ini yang dizahirkan daripada beberapa peristiwa. *Al-Tarikh Salasilah Negeri Kedah* merupakan karya Muhammad Hassan Dato<sup>™</sup> Kerani Muhammad Arshad yang telah ditransliterasi oleh Mohd Zahid Mohd Shah dan diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur pada tahun 1968. Naskhah ini ditulis setelah Muhammad Hassan menerima perintah daripada Tunku Ibrahim ibn Sultan Abdul Hamid, Pemangku Raja pada 1 Rejab 1345H (5 Januari 1927). Tunku Ibrahim inginkan sebuah tulisan baru tentang sejarah Kedah dibuat kerana baginda tidak berpuas hati dengan karya Wan Yahaya (*Salasilah atau Tarikh Kerajaan Kedah*) yang dicetak di Pulau Pinang dan diharamkan pengedarannya di Kedah atas perintah Tunku Ibrahim ([http://www.mykedah2.com/10heritage/106\\_2\\_p2.htm#sub3](http://www.mykedah2.com/10heritage/106_2_p2.htm#sub3)).

## **OBJEKTIF KAJIAN**

Objektif kajian dalam makalah ini ialah:

- a) mengenal pasti adab perundingan yang diamalkan oleh pemerintah kesultanan Melayu,
- b) menganalisis pengaplikasian adab perundingan tersebut dalam manuskrip pilihan dan
- c) merumuskan keberkesanan adab perundingan tersebut terhadap pemerintahan kerajaan kesultanan Melayu

## **METODOLOGI KAJIAN**

Dalam penulisan ini, kaedah kualitatif dengan menggunakan kaedah analisis kandungan teks bagi mengenal pasti adab perundingan pemerintah kerajaan kesultanan Melayu dalam menjalinkan hubungan diplomatik dalam naskhah *Al-Tarikh Salasilah Negeri Kedah* seterusnya menganalisis pengaplikasian adab perundingan tersebut dalam manuskrip pilihan dan merumuskan keberkesanan adab perundingan tersebut terhadap pemerintahan kerajaan kesultanan Melayu. Terdapat tiga tahap tatacara kajian yang dirancang dalam mengemukakan penulisan ini, iaitu pengumpulan data, penganalisan data, dan rumusan. Pada tahap pengumpulan data, penulis akan mengenal pasti naskhah Melayu yang bersesuaian dengan objektif kajian. Setiap pembacaan terhadap kandungan naskhah akan diteliti dan dicatat, terutamanya maklumat yang membincangkan topik kajian. Sementara itu, pada tahap penganalisan data, perkara yang ditumpukan ialah berkenaan maklumat yang diperolehi daripada tahap pertama dan akan digunakan sebagai bahan perbincangan untuk menganalisis dapatan kajian. Hasil daripada analisis data tersebut, satu rumusan dapatan akan dilakukan untuk menghuraikan topik utama.

## **ANALISIS DAN PERBINCANGAN**

Dalam dunia perundingan, terdapat tiga bahagian utama yang acapkali dibincangkan, iaitu:

- Perundingan menang-menang (*win-win solution*)
- Perundingan menang – kalah (*win-lose solution*)
- Perundingan kalah-kalah (*lose-lose solution*)

Dalam perbincangan ini, penulis akan mengaplikasikan satu daripada jenis perundingan di atas iaitu perundingan menang-menang. Perundingan jenis menang-kalah (*win-lose solution*) merupakan strategi yang bertujuan untuk memperoleh kemenangan dengan keinginan untuk mengalahkan pihak lain yang menguntungkan diri sendiri dan merugikan pihak lain.

Penggunaan strategi menang-kalah (*win-lose solution*) tidak digalakkan kerana sering menimbulkan konflik berpanjangan. Begitu juga dengan perundingan jenis kalah-kalah (*lose-lose solution*). Perundingan ini merupakan strategi yang merugikan kedua belah pihak yang mana keduanya merupakan pihak yang kalah, kerana perundingan lebih cenderung tidak menggunakan akal pikiran dan mengutamakan emosi sehingga tidak dapat menyelesaikan masalah. Ini kerana fokus utama dalam adab perundingan adalah untuk mencapai kesepakatan dalam menjalinkan hubungan diplomatik. Oleh itu, adab perundingan menang-menang akan tertumpu kepada peristiwa yang menceritakan tentang hubungan Kedah - Ligor dan Kedah-Aceh.

### **Adab Perundingan Menang-Menang**

Adab perundingan menang-menang menurut David Oliver (1990 :6) ialah satu konsep yang bukan sahaja menjaga kepentingan, tetapi memahami kepentingan sebelah pihak dan mampu memberikan pulangan yang lebih baik serta kedua-dua pihak merasakan kemenangan bersama. Teknik perundingan menang-menang berfokuskan kepada kerjasama, menggalakkan setiap pihak meneroka pilihan-pilihan penyelesaian, menggalakan penyelesaian yang kreatif dan inovatif, mengenyahkan tanggapan “fixed-pie”, masalah didefinisikan dengan cara yang boleh diterima oleh kedua-dua pihak dan mengenal pasti halangan-halangan untuk mencapai matlamat bersama. Di bawah ini akan dibincangkan beberapa peristiwa dan adab perundingan yang digunakan oleh pemerintah kerajaan Kedah dalam menghadapi konflik.

#### **Peristiwa 1 :Raja Ligor dan Sultan Kedah Seri Paduka Maharaja Derma Raja**

Peristiwa ini bermula, apabila Raja Burma, iaitu Raja Tenangsari ingin menakluki Kedah dalam usahanya untuk menebarkan kuasanya dengan menggunakan kaedah perang bagi menjatuhkan Kedah. Seri Paduka Maharaja Derma Raja, iaitu Raja Kedah yang ketujuh menyahut cabaran tersebut. Lalu, peperangan tersebut telah berlaku di Padang Jangam, negeri Kedah. Pada masa yang sama, Raja Ligor mendengar perkhabaran tersebut dan mengambil keputusan membantu raja Kedah untuk membanteras dasar pencerobohan raja Burma itu.

Maka berita mengenai peperangan yang tersebut itu, dan berita musuh dari negeri Tenangsari melanggar negeri Qalha hingga menyebabkan peperangan antara kedua2 pehak di-Padang Jangam itu pun sampai-lah kepada Raja Ligor. Maka Raja Ligor pun menghimpunkan segala hulubalang pahlawan dan ra'ayat-nya sakalian hendak pergi membantu Maha Putera. Hatta, tiada berapa hari kemudian sampai-lah angkatan Raja Ligor itu lalu masuk berperang membantu angkatan Maharaja Putera. Maka ramai-lah yang mati dan luka antara kedua2 pehak itu

(Mohd Zahid bin Mohd Shah, 1968:20).

Menurut Abdul Aziz Hussin (2010), pencerobohan jenayah di bawah seksyen 411 membawa maksud, “*Barang siapa yang masuk ke dalam atau ke atas harta yang dimiliki oleh seseorang lain dengan niat hendak melakukan sesuatu kesalahan atau hendak menakutkan, mengaibkan atau menggusarkan mana-mana orang yang memiliki harta itu atau setelah dengan sah di sisi undang-undang masuk ke dalam atau ke atas harta itu tinggal di situ dengan menyalahi undang-undang dengan niat dengan jalan demikian itu hendak menakutkan, mengaibkan atau menggusarkan mana-mana orang itu atau dengan niat hendak melakukan sesuatu kesalahan adalah dikata melakukan ‘pencerobohan jenayah’*”. Pencerobohan jenayah daripada konteks penulisan ini ialah perbuatan memasuki sesuatu kawasan tanpa keizinan

daripada pihak tuan rumah dengan niat untuk melakukan sesuatu perkara yang negatif atau honar dengan tujuan untuk menguasai kawasan tersebut dan meluaskan pengaruh serta melakukan pengawalan tenaga dan minda terhadap masyarakat yang dicerobohi. Menurut Zulkifly Muda (2009: 77), orang yang memasuki rumah orang lain tanpa izin dianggap sebagai penceroboh. Tuan rumah berhak menghalaunya walaupun menggunakan kekerasan dan dibenarkan memukul sekiranya masih berdegil.

Hasil daripada kerjasama Raja Kedah dan Raja Ligor, maka Raja Tenangsari berjaya ditewaskan setelah hampir setahun peperangan berlangsung. Bantuan secara rela oleh Raja Ligor dalam peristiwa perang tersebut telah menyebabkan Seri Paduka Maharaja Derma Raja memberi ruang kepada kerajaan baginda untuk berhubungan dengan kerajaan luar demi kedaulatan kerajaan Kedah dan mengekalkan pemerintahan oleh waris baginda. Baginda percaya bahawa kemakmuran dan kekayaan kerajaan Kedah akan terancam sekiranya baginda bertegas untuk hidup berdikari tanpa bantuan luar. Kemakmuran kerajaan Kedah itu telah membawa ramai pedagang asing dari luar untuk berniaga di negeri Kedah. Oleh itu, baginda perlu berusaha untuk mengekalkan keadaan sedemikian demi kepentingan politik, ekonomi, dan sosial kerajaan Kedah. Menurut Ismail Saleh (2003: 6), orang Melayu di Kedah pada masa itu, rata-ratanya ialah ahli pelayaran dan ahli perniagaan. Kapal Kedah memenuhi laut di Kepulauan Melayu, India, dan laut Siam. Oleh itu, sekiranya terdapat gangguan daripada pihak luar, maka kekacauan yang tercetus itu akan mencemar imej kerajaan Kedah sebagai salah sebuah kerajaan maritim di Kepulauan Melayu yang tersohor.

Dalam peperangan tersebut, ramai angkatan Raja Ligor yang telah terbunuh di samping yang tercedera. Harta juga sudah banyak yang hilang. Namun Raja Ligor sama sekali tidak membuat tuntutan ganti rugi kepada raja Kedah. Selesai sahaja peperangan tersebut, Raja Ligor terus pulang ke negeri baginda. Melihat kepada pengorbanan tersebut, Raja Kedah bercadang untuk menjalinkan hubungan diplomatik dengan raja Ligor. Dalam hal ini, terdapat beberapa kaedah yang dikenalpasti dalam adab perundingan antara raja Kedah dan Ligor.

### **Adab perundingan 1 : Menghantar Utusan Dan Membawa Bingkisan Tersirat**

Tan Dermadewa dilantik menjadi utusan kerajaan dan menjadi perunding utama dalam menyampaikan niat diplomatik. Beliau diiringi oleh empat orang ketua dan seratus orang pengiring serta dikirimkan sepucuk warkah diplomatik dan bingkisan hadiah, iaitu sepohon bunga emas dan bunga perak di samping peralatan lain seperti kain kasa, kain putih, utar-utar, tombak, lembing sebagai balasan kepada pengorbanan Raja Ligor yang sanggup berkorban nyawa untuk membantu Kedah:

Hatta, pada suatu hari Seri Paduka Maharaja Derma Raja bermuafakat dengan paduka adinda baginda Maha Putra dan Menteri keempat dan Menteri Delapan hendak membalas kebajikan Raja Ligor yang membantu Maha Putra di-dalam peperangan menentang Raja Tenangsari di-Padang Jagam itu. Sa-telah putus muafakat yang tersebut itu mereka membuat ketetapan hendak membuat sa-pohon bunga emas dan sa-pohon bunga perak; tiap2 sa-pohon itu mempunyai empat chabang, untok dihantarkan kepada Raja Ligor. Barang2 lain yang hendak di-hantar itu termasuk juga dua kayu kain khasa berkepala benang emas dan dua belas buah perisai dan dua belas utar2 dan dua belas batang tombak, dua belas batang lembing dan dua belas kayu kain puteh.

(Mohd Zahid Mohd Shah, 1968: 21)

Setiap pemberian hadiah yang pelbagai itu sebenarnya mempunyai maksud yang tertentu. Terdapat kerajaan yang memberikan hadiah tersebut atas dasar kepentingan politik,

ekonomi dan sosial (Hashim Musa, Salmah Jan et.al, 2013: 9). Seri Paduka Maharaja Derma Raja telah memaknakan setiap barangan yang diberikan kepada Raja Ligor. Misalnya, pemberian seponon bunga emas dan bunga perak ialah untuk menggantikan perbelanjaan perang yang telah dibelanjakan oleh Raja Ligor. Tombak, lembing, perisai dan utar-utar (perisai kecil yang berbentuk bundar yang dihasilkan daripada tembaga atau besi) bermaksud bagi menggantikan alat senjata pahlawan yang telah rosak manakala, kain putih adalah bertujuan untuk menggantikan kain baju rakyat Raja Ligor yang telah koyak semasa berperang. Maksud hadiah tersebut dinyatakan dalam petikan berikut:

Adapun bunga emas dan bunga perak itu ia-lah untuk mengganti perbelanjaan peperangan; tombak dan lembing, perisai dan utar2 itu ia-lah untuk menggantikan senjata hulubalang pahlawan yang binasa, dan kain putih itu diberikan kepada ra"ayat kerana menggantikan kain yang binasa dalam masa peperangan, demikian-lah ma"ananya balasan itu.

(Mohd Zahid Mohd Shah, 1968: 21)

Sebagai pemerintah tertinggi kerajaan, tindakan baginda memaknakan setiap pemberian itu adalah untuk menarik perhatian dan mengambil hati Raja Ligor di samping memperlihatkan keprihatinan baginda terhadap kos perbelanjaan yang telah dibelanjakan oleh Raja Ligor dalam membantu angkatan tentera baginda dalam peperangan tersebut. Tindakan Seri Paduka Maharaja Derma Raja ini berpadanan dengan contoh petikan di bawah ini, yang menasihatkan bahawa setiap raja perlu menjaga nama baik diri dan kerajaannya.

Nasihat: Seyogianya bagi hamba Allah memelihara namanya daripada tukas dan cerca segala manusia, istimewa pula segala raja-raja dan segala orang besar-besar, memelihara namanya daripada demikian itu, dan jangan ia mengerjakan suatu pekerjaan yang datang kepadanya tukas (*Bustan al-Salatin, UM MS 41: 420*)

### **Adab Perundingan 2: Menerima Bingkisan dan Memberikan Puji-Pujian**

Perundingan menang-menang tidak akan terjadi, sekiranya hanya satu pihak sahaja yang bertindak. Pihak yang satu lagi itu hendaklah juga memberi respon bagi membuktikan bahawa pihak mereka bersetuju untuk meneruskan perundingan. Dalam adab perundingan ini, Raja Ligor tahu matlamat penawaran yang ingin disampaikan oleh Raja Kedah. Justeru, Raja Ligor bersetuju menjalinkan hubungan diplomatik dengan kerajaan Kedah. Raja Ligor tertarik hati dengan pemberian hadiah yang dianggap oleh baginda (Raja Ligor) sangat bernilai. Antara reaksi Raja Ligor yang digambarkan oleh pengarang naskhah ini ialah,

Maka persembahan2 itu diterima oleh Raja Ligor dengan beberapa kesukaan dan puji2an. Kehendak puji2an itu ia-lah supaya perhubungan antara kedua2 buah negeri itu akan tinggal berkaseh2an sampai ka-anak chuchu chichit.

(Mohd Zahid Mohd Shah, 1968: 22)

### **Adab Perundingan 3: Memberikan Balasan Tanda Permuafakatan**

Sebagai balasan terhadap pemberian tersebut, Raja Ligor mengambil tindakan positif sebagai tanda persetujuan kepada hubungan tersebut dengan :

(a) memberi persalinan pakaian kepada utusan kerajaan Kedah

(b) membalas hadiah

... Maka sa-telah putus muafakat itu, mereka pun membalas hantaran itu dengan menghadihkan gaharu dan kemenyan dan delapan ratus gantang beras untuk dijadikan bekalan orang2 Qalha yang hendak balek


(Mohd Zahid Mohd Shah, 1968: 22).

(c) mengutus surat

Sa-Puchok surat di-tuliskan mengatakan yang barang2 yang dihantar oleh Seri Paduka Maharaja Derma Raja seperti yang tersebut di-dalam surat baginda itu ia-itu bunga emas bunga perak dan alat2an lain di bawa oleh Tan Dermadewa sudah di-terima. Sabahagian surat itu berbunyi lebeh kurang bagini; “Perhamba dan segala menteri2 perhamba sangat suka hati menerima pemberian Seri Paduka Maharaja itu. Dan lagi perhamba dengan segala menteri2 sangat besar hati suka hendak memandang lagi hari yang ka-hadapan bunga emas bunga perak hantaran Seri Paduka Maharaja tiap2 tiga tahun sakali, supaya tiada berkeputusan kaseh berkasehan dan tiada boleh lupa sampai ka-anak chuchu chichit turun-temurun memandang bunga emas bunga perak Qalha itu. Dan perhamba dengan segala menteri2 ingat tentu-lah Seri Paduka Maharaja terlebih suka hati hendak hantar saperti perhamba buka hati sebut kata itu”

(Mohd Zahid Mohd Shah, 1968: 23).

Perundingan menang-menang berdasarkan peristiwa di atas dapat dirungkaikan menerusi kronologi peristiwa di bawah:



Rajah 1: Perundingan Menang-menang antara kerajaan Kedah dan Ligor

Dalam hal tersebut, Raja Ligor dapat menilai bahawa Raja Kedah itu memang serius menjalin hubungan dengan kerajaannya. Selain itu juga, Raja Ligor dapat menjangkakan bahawa jalinan hubungannya dengan Kedah akan membawa kebaikan kepada kedua-dua pihak, iaitu kebaikan dari aspek ekonomi kepada pihaknya manakala, aspek politik kepada pihak Kedah. Dalam keadaan ini, kedua-dua pihak berada dalam situasi menang-menang. Menang-menang ialah kedua-dua mendapat bahagian yang sama rata (Md. Yadi Said, 2006: 152). Lanjutan daripada peristiwa di atas, hubungan antara kerajaan Kedah dengan Raja Ligor bertambah erat. Seri Paduka Maharaja Derma Raja pun mengotakan janjinya untuk memberi dan menghantar hadiah istimewa itu kepada Raja Ligor seperti yang dikehendaki oleh Raja Ligor sebagai tanda wujud hubungan diplomatik sosiopolitik antara kerajaan tersebut.

...Maka Seri Paduka Maharaja Derma Raja pun bermuafakat dengan segala menterinya fasal bunga emas bunga perak yang dikehendaki Raja Ligor itu. Maka keputusan muafakat ia-lah menetapkan hendak menghantarkan bunga emas bunga perak tiap2 tahun sa-kali tanda berkaseh2an sa-bagaimana dikehendaki Raja Ligor itu

(Mohd Zahid Mohd Shah, 1968: 23-24).

## **Peristiwa ke 2: Tengku Anom dan Raja Ligor dalam Memulihkan Semula Hubungan Diplomatik**

Kejayaan penaklukan kerajaan Ligor ke atas kerajaan Kedah berpunca daripada pengkhianatan Tengku Ya'akob atau Tengku Ambon yang telah membocorkan rahsia pertahanan Kedah kepada Ligor. Tengku Ya'akob merupakan anak kepada Tengku Dhia'uddin Raja Muda Kayang (Mohd Zahid Mohd Shah, 1968:144). Oleh sebab permintaannya tidak dipenuhi untuk memerintah Kayang dan Setol (wilayah Siam) untuk menggantikan tempat ayahandanya, maka Tengku Ya'akob telah berdendam dengan Sultan Kedah. Konflik dalaman ini telah membawa Tengku Ya'akob untuk bersekongkol dengan raja Ligor untuk menjatuhkan Kedah. K.J Holsti (1983) mendefinisikan konflik sebagai membawa kepada perancangan kegunaan yang dilakukan oleh sesebuah pihak atau sekumpulan pihak disebabkan sesuatu isu, permusuhan, sikap, jenis diplomatik, dan gerakan ketenteraan.

Maka tiga kali Tengku Ya'akob, Raja Muda, masuk mengadap duli baginda bermohon supaya permintaannya itu di-luluskan, akan tetapi tiada juga di-luluskan baginda. Oleh kerana hal yang demikian duli Tengku Ya'akob, Raja Muda, pun bermuafakat dengan orang2-nya berangkat pergi mengadap Raja Ligor yang bernama Chao Phya Nongkon Sri Tamrat di dalam negeri Ligor serta memberitahu kepada Raj Ligor beberapa jalan yang senang jika hendak mengambil negeri Kedah itu. Maka dudok-lah Tengku Ya'akob, Raja Muda di-negeri Ligor

(Mohd Zahid Mohd Shah, 1968:144-145).

Lanjutan itu, banyak usaha yang dilakukan oleh orang Kedah untuk mendapatkan semula Kedah, namun sia-sia. Semakin hari, semakin ramai rakyat Kedah yang terkorban. Apabila melihat perkembangan situasi tersebut, Tengku Anom berpendapat bahawa perkara tersebut perlu dihentikan dan perlu mencari idea untuk menyelesaikan masalah tersebut. Tengku Anom ialah anak kepada Tengku Abdul Rahman (raja Limbong) dan Tengku Rahmah (Mohd Zahid Mohd Shah, 1968:122). Sebelum peristiwa ini berlaku, Tengku Anom pernah ditugaskan menjadi ketua dalam penghantaran bunga emas dan bunga perak ke Ligor.

Tengku Anom ingin ke Ligor untuk mengadakan perundingan agar matlamat Kedah kembali ke pewarisnya tercapai. Tengku Anom tidak berniat untuk mengukuhkan pengaruhnya di Kedah namun beliau percaya bahawa sebuah kerajaan ialah simbol kepada kedaulatan raja dan mencerminkan imej sesuatu bangsa. Kerajaan diibaratkan seperti rumah. Tanpa rumah, seseorang itu akan hidup bergelandangan dan akan dipandang hina. Maruahnya akan tercemar dan keyakinan diri hilang begitu sahaja. Sebuah kerajaan bukan sahaja membawa imej sultan malahan bangsa dan juga agama. Oleh demikian, ia perlu dipertahankan walau berkorban nyawa sekalipun. Selain itu, perundingan lain adalah untuk menyelamatkan orang Kedah yang menjadi tawanan kerajaan Siam di Ligor.



Sa-bermula maka tersebut-lah Tengku Anom Paduka Raja Jambangan. Ia sedar bahawa maksud orang2 Kedah hendak mengambil balek negeri Kedah dengan jalan berperang dan dengan menghantar langgaran2 besar dan kechil tiada akan memberi apa2 kesan kerana orang2 Kedah sudah berpechah belah. Oleh kerana hal yang demikian itu bermuafakat-lah ia dengan sa-pupu-nya Tengku Seraja Wang dan anakanda Tuan Syed Hussin chuchu kapada Tengku Dhia-uddin Raja Muda Kayang, hendak pergi ka-negeri Ligor

(Mohd Zahid Mohd Shah, 1968:152).

Di samping tujuan di atas, Tengku Anom pergi ke Ligor adalah juga untuk memperbaiki hubungan Kedah dengan Ligor seperti sedia kala (seperti di zaman pemerintahan Seri Paduka Maharaja Derma Raja) tanpa menimbulkan perasaan balas dendam antara dua kerajaan. Berdasarkan kajian yang dilakukan, Tengku Anom dapat melihat kepentingan pengukuhan semula hubungan diplomatik antara kedua kerajaan tersebut. Antaranya, kerjasama kedua pihak tersebut akan dapat membantu menyekat perluasan kuasa asing di Utara Semenanjung Tanah Melayu dan seterusnya dapat menyelesaikan gangguan yang cuba ditimbulkan daripada kerajaan berdekatan. Oleh demikian, untuk menjayakan rancangan tersebut, Tengku Anom dan rakannya telah mengatur strategi dengan teliti agar segala apa yang dirancang dapat berjalan dengan lancar. Petikan di bawah ini merupakan tujuan utama Tengku Anom pergi ke Siam seperti yang dinyatakan oleh pengarang :

Tujuan-nya yang pertama ialah hendak mengambil balek negeri Kedah ini dengan atoran yang halus dan yang kedua-nya ia-lah hendak memelihara orang2 Kedah yang di-bawa pergi ka-Ligor oleh orang2 Siam

(Mohd Zahid Mohd Shah, 1968:152).

Sehubungan dengan itu, adab perundingan yang dikenalpasti menerusi peristiwa ini ialah

:

### **Adab Perundingan 1: Memohon Kebenaran Masuk ke Ligor**

Dalam mengembalikan semula hubungan diplomatik yang pernah terjalin dahulu, Tengku Anom telah memohon kebenaran surat untuk menghadap Chao Phya Nongkon Sri Tamrat (Raja Ligor). Terlebih dahulu Tengku Anom telah berjumpa dengan anak raja Ligor, Phya Sina Nunchit yang memerintah kerajaan Kedah pada ketika itu bagi mendapatkan surat keizinan menghadap raja Ligor. Hal ini merupakan fasa awal dalam adab perundingan yang dapat dijadikan contoh. Orang Melayu sememangnya terkenal dengan adab sopan santunnya. Menurut Vallentijn (1884:53), *orang Melayu sangat cantik, sangat pintar dan manusia yang sangat sopan di seluruh Asia. Juga sangat baik, sopan santun, lebih pembersih dalam cara hidupnya dan pada umumnya begitu rupawan sehingga tidak ada manusia lain yang boleh dibandingkan dengan mereka.* Pendapat Vallentijn ini menggambarkan bahawa masyarakat Melayu itu kaya dengan kesopanan. Keadaan tersebut disebabkan oleh kerana bangsa Melayu yang sememangnya memiliki peribadi yang istimewa selain daripada terkenal dengan ciri ketimuran seperti lemah-lembut, beradab dan berbudi bahasa.

Tengku Anom menegaskan bahawa beliau tidak terlibat dengan pergolakan dalaman yang berlaku di Kedah. Oleh itu, beliau menyakinkan Phya Sina Nunchit bahawa beliau ingin menjadi hamba dan ingin tinggal buat sementara waktu di Ligor. Akhirnya, Phya Sina Nunchit pun menulis surat dengan pelbagai kata puji-pujian dan menyatakan ketidakterlibatan Tengku Anom dalam kekacauan yang berlaku di Kedah. Lihat contoh petikan di bawah:

...Maka Tengku Anom pun ma'alumkan kepada Phya Nunchit yang ia tiada suka hendak dudok di-negeri Kedah, sembah-nya, "Perhamba suka hendak dudok menjadi hamba Chao Phya Nongkon Sri Tamrat di Ligor hingga sampai habis umur perhamba, kerana perbuatan orang2 Kedah dudok perbuat. Yang demikian itu perhamba tiada suka sa-kali, jikalau perhamba dudok lagi di Kedah ini nama perhamba pun akan menjadi jahat kepada Chao Phya pada hal perhamba sangat merasa lagi kaseh akan Chao Phya dan segala putera2 Chao Phya."

Maka Tengku Anom pun minta suatu surat dari Phya Sina Nunchit bagi membenarkan ia masuk menghadap Chao Phya raja Ligor. Maka Phya Sina Nunchit pun sangat suka hati-nya mendengar Tengku Anom memuji2 bapa-nya dan memuji2-nya itu. Maka di dalam surat ia memuji2 Tengku Anom dengan mengatakan Tengku Anom ada-lah sa-orang yang baik dan tidak masuk champor di dalam peperangan bersama orang2 Kedah dan lain2nya

(Mohd Zahid Mohd Shah, 1968:152-153).

Kesannya, Tengku Anom telah diterima baik oleh Chao Phya Nongkon Sri Tamrat. Tengku Anom dibenarkan tinggal di Ligor dan diberikan tempat tinggal yang selesa. Setelah itu, Tengku Anom dengan bantuan rakannya pun melaksanakan strategi dalam memulihkan semula hubungan diplomatik kedua kerajaan.

### **Adab Perundingan 2 : Menawan Hati Raja Ligor**

Setiap hari Tengku Anom akan menghadap raja Ligor dan melakukan perkara kebaikan dalam memikat hati raja Chao Phya Nongkon Sri Tamrat. Hasilnya, Chao Phya Nongkon Sri Tamrat terkesan dengan kebaikan yang ditunjukkan oleh Tengku Anom lalu melantik Tengku Anom menjadi ketua kepada orang Kedah yang telah ditawan oleh orang Siam semasa peperangan antara kedua kerajaan berlaku (Mohd Zahid Mohd Shah, 1968:153). Dalam hal ini, melalui dapatan yang diperoleh wujudnya unsur kepercayaan dan keyakinan kepemimpinan oleh raja Ligor terhadap Tengku Anom. Selain itu juga, hal ini bermakna, tujuan kedua Tengku Anom datang ke Ligor iaitu "memeliharakan orang2 Kedah yang di-bawa pergi ka-Ligor oleh orang2 Siam" tercapai tanpa melibatkan unsur kekerasan. Sementara itu, unsur kerelaan hati raja Ligor memberikan semula orang Kedah itu telah meyakinkan Tengku Anom bahawa strategi yang dirancang olehnya dan rakannya berada di landasan yang betul. Oleh itu, tanpa berleengah, Tengku Anom meneruskan perundingan dengan mengadakan perkahwinan kerabat diraja Kedah di Ligor.

### **Adab Perundingan 3: Mengikat Hubungan Dengan Perkahwinan**

Setelah berjaya merapatkan diri dengan raja Ligor, Tengku Anom telah memohon kepada raja Ligor untuk mengahwinkan Tengku Aishah, iaitu anak kepada Tengku Long Puteh dan Tengku Jam-Jam (Mohd Zahid Mohd Shah, 1968:148) yang berada di Ligor dengan Tuan Syed Hussin serta memohon perkahwinan tersebut diadakan di balai penghadapan raja Ligor dengan mengikut adat istiadat perkahwinan Melayu Kedah. Permohonan Tengku Anom tersebut diperkenankan oleh raja Ligor. Tujuan Tengku Anom berbuat demikian adalah untuk menunjukkan kepada raja Ligor tentang adat budaya orang Kedah khususnya dalam aspek adat-istiadat perkahwinan Melayu yang kaya dengan protokol dan penuh dengan kesopanan. Justeru, hal tersebut akan mendekatkan jiwa Melayu Kedah dengan jiwa orang Ligor. Menurut Hassan Ahmad (2006:19), budaya lahir dari pemikiran manusia, daripada imiginasi kreatif manusia, dari pengalaman bersama anggota itu berinteraksi dengan alam sekelilingnya dan daripada

pengalaman itu, manusia membentuk pandangan hidupnya, mencipta nilainya, falsafah hidupnya tentang pelbagai prinsip.

#### **Adab perundingan 4: Memenuhi Permintaan Raja Ligor**

Akhirnya, adab perundingan untuk memulihkan hubungan diplomatik antara Kedah dan Ligor mendatangkan hasil apabila Choa Phya raja Ligor dengan rela hati menyerahkan semula kerajaan Kedah yang ditaklukinya kepada Tengku Anom dan bersetuju untuk memulihkan hubungan diplomatik antara dua kerajaan dengan bersyarat. Syarat yang diberikan oleh Chao Phya Nongkon Sri Tamrat ialah Kedah perlu menghantar bunga emas dan bunga perak tiga tahun sekali ke Ligor. Tengku Anom bersetuju untuk memenuhi syarat tersebut.

Sa-telah dudok berkata2 sa-ketika maka titah Chao Phya raja Ligor kepada Tengku Anom, “Pada hari ini Tengku Raja Jambangan terima balek-lah negeri Kedah serta sakalian ta’alok-nya, dan tiada lagi termasuk di-bawah perintah Siam, melainkan Tengku Anom mahu-lah hantarkan bunga emas, bunga perak tiap2 tiga tahun sekali mengikut adat lama seperti yang telah di-adatkan oleh Raja2 yang terdahulu sa-bagai tanda kaseh berkasehan dan bersetia”

(Mohd Zahid Mohd Shah, 1968:159).

Sebenarnya, terdapat faktor penarik yang menyebabkan Ligor menyerahkan semula Kedah kepada Tengku Anom dan seterusnya menjalinkan semula ikatan diplomatik iaitu kekacauan di negeri Kedah yang berlaku secara berterusan. kekacauan tersebut telah dirancang oleh Tengku Anom sebelum baginda berangkat ke Ligor lagi. Tengku Anom telah bermuafakat dengan pembesar dan hamba raja (panglima-panglima) yang boleh dipercayai untuk membuat kekacauan dengan menyerang angkatan tentera Phya Sina Nunchit di Kedah tanpa henti. Tujuan Tengku Anom berbuat demikian adalah untuk menimbulkan kesusahan kepada pentadbiran Ligor di Kedah di samping mendapatkan kerajaan Kedah semula. Implikasinya, rancangan tersebut berjaya kerana pentadbiran Ligor di Kedah benar-benar mengalami kesusahan seperti kerugian perniagaan dan ramai tentera Ligor yang terkorban.

Maka banyak kali-lah tewas Phya Sina Nunchit. Maka akhir-nya di-perbuat-nya surat lalu di-persembahkan kepada bapa-nya di Ligor mengatakan orang2 Kedah makin kuat me-langgar-nya dan ia tampak tiada ada guna lagi baginya menunggu di-dalam negeri Kedah itu kerana perbelanjaan mereka sa-makin bertambah2 dan orang2nya pun ramai yang mati, dan ia tiada tampak suatu apa2 pun keuntungan bagi-nya menunggu di dalam Kedah melainkan mendapat kerugian di dalam sa-genap perkara

(Mohd Zahid Mohd Shah, 1968:152-159).

Adab perundingan menang-menang menerusi peristiwa di atas dapat dibuktikan apabila,

- Kedah kembali ditadbir oleh pewaris yang sah,
- Ligor tidak lagi menanggung kerugian akibat pergolakan dalaman Kedah dan
- kedua-dua kerajaan berjaya dan sama-sama bertoleransi menjalinkan semula hubungan diplomatik

Dengan usaha Tengku Anom dan rakannya telah mengubah warna kehidupan rakyat Kedah, iaitu daripada gelap kepada terang, daripada berajakan keturunan Ligor kepada

bersultankan semula keturunan Kedah dan daripada peperangan kepada hubungan pendamaian. Tengku Anom berjaya menyelesaikan konflik antara kerajaan tanpa unsur kekerasan.

### **Peristiwa ke 3: Sultan Sulaiman dan Sultan Iskandar Mahkota Alam (Aceh)**

Perubahan dalam hubungan permusuhan kepada pendamaian merupakan suatu langkah untuk mengubah tindakan, keputusan ataupun persepsi sesebuah kerajaan yang berniat untuk melakukan ancaman kepada kerajaan lain kepada hubungan berbaik-baik ataupun ingin membina hubungan diplomatik. Perkara ini melibatkan suatu daya upaya yang dilakukan oleh sesebuah kerajaan untuk melakukan transformasi daripada perkara negatif kepada perkara yang lebih bersifat positif. Perkara negatif seperti peperangan dapat dielakkan apabila sifat toleransi melebihi daripada keegoan. Tindakan mengelakkan peperangan ataupun ancaman lain merupakan suatu tindakan yang menuju ke arah penyelesaian konflik (Mohamad Faisol Keling & Mohammad Fuad Othman, 2006: 111). Justeru, perkara negatif seperti permusuhan yang tercetus daripada peperangan sekiranya dapat dielakkan akan dapat membina keyakinan sesebuah kerajaan untuk terus maju ke depan.

Sultan Sulaiman mendapat perkhbarannya daripada Nakhoda Lamun, iaitu seorang pedagang daripada negeri Inderagiri yang menjalankan perniagaannya di negeri Kedah bahawa kerajaan Aceh berhasrat untuk menyerang dan menjadikan Kedah sebagai tanah jajahan untuk Aceh meluaskan pengaruh dan kuasanya di Semenanjung Tanah Melayu. Victor A. Pogadaev (2010: 183) mengatakan bahawa misi utama Aceh pada masa itu ialah ingin menjadi seperti Turki yang terkenal sebagai kuasa besar dunia. Pada masa itu, Aceh diperintah oleh Sultan Iskandar Mahkota Alam (1607-1636) yang merupakan Sultan Aceh teragung dan paling dikenali ramai, baik di Timur mahupun di Barat (Ahmad Jelani Halimi, 2008: 292).

Maka sahut Raja Menehara, “Nenda dapat khabar daripada Nakhoda Lamun bahawa Raja Aceh yang bernama Sultan Iskandar Mahkota Alam sudah bersiap angkatan peperangan hendak melanggar negeri Kedah ini. Barangkali tiada berapa lama lagi sampai-lah angkatan-nya itu ka-sini”

(Mohd Zahid Mohd Shah, 1968: 55).

Hasil daripada permuafakatan kerajaan Kedah, majoritinya memilih jalan pendamaian dengan merujuk kepada ‘seratus satu isyarat’ perang yang dicadangkan oleh Dato” Seraja Imam. Secara tersiratnya, cadangan dan nasihat Dato” Seraja Imam kepada Sultan Sulaiman ini adalah bermotifkan untuk mencapai jalan keamanan.

Ampun tuanku, jikalau boleh lagi kita ikhtiarkan dengan jalan yang lain sa-lain daripada berperang itu terlebih baik-lah daripada kita berperang kerana tiada terlebih jahat patek2 sakalian membawa Shah Alam kepada pekerjaan perang, kerana banyak lagi yang dapat di-lakukan sa-lain daripada pekerjaan perang itu, ia-itu seperti dengan ikhtiar atau dengan harta. Jika tiada dapat di-tolakkan dengan ikhtiar yang demikian itu, tatkala itu berperang-lah kita. Apakala terjadi peperangan tiada dapat lagi dibicarakan dengan harta melainkan dengan nyawa juga

(Mohd Zahid Mohd Shah, 1968: 56).

Menurut Jelani Harun (2003: 14), isyarat (adab) seratus satu isyarat yang dikemukakan oleh Dato” Seraja Imam ialah usaha dan ikhtiar beliau untuk menghindarkan berlakunya peperangan. Dato” Seraja Imam memohon agar Sultan Sulaiman tidak melibatkan kerajaan Kedah dan diri baginda ke kancah peperangan. Setiap peperangan yang berlaku pasti

mendatangkan pelbagai kesan negatif kepada sesebuah kerajaan. ‘Seratus satu isyarat’ ini juga menunjukkan salah satu adab perundingan orang Melayu dalam menyelesaikan konflik. Menurut Hassan Ahmad (2006: 340) adalah lebih baik bertindak mencegah kemungkinan daripada menunggu sampai musuh itu sempat menjadi musuh yang kuat.

Adab perundingan yang diaplikasikan oleh kerajaan Kedah dalam mentransformasikan hubungan permusuhan kepada persahabatan dapat dilihat menerusi kronologi peristiwa di bawah:

### **Adab perundingan 1: Menyambut Tetamu**

Maka Tengku Rijaluddin dengan menteri2-nya pun naik dudok menyembah. Setelah dudok berkata2 sa-ketika maka dipersembahkan surat paduka ayahanda baginda itu serta di-ma<sup>2</sup>alumkan dengan perkataan yang elok susun-nya dan halus manis, mempersilakan Sultan Iskandar Mahkota Alam masuk ka-negeri. (Mohd Zahid Mohd Shah, 1968: 62)

### **Adab Perundingan 2: Mempertemukan Rombongan Aceh dengan Sultan Kedah**

Maka pada ketika itu Tengku Paduka Maharaja Temenggong Anggota Desa dengan sekalian hulubalang pahlawan memberi hormat, lalu di-main nobat nafiri terlalu gemuroh bunyi-nya. Lalu dipersilakan masuk oleh Tengku Paduka Maharaja Temenggong akan Sultan Iskandar Mahkota Alam dan sakalian pengiring-nya, langsung mereka itu ka-hadapan balai dan di-sambut oleh Dato; Seri Maharaja Putra Dewa lalu naik ka-balai. Pada ketika itu Sultan Sulaiman Shah Yang Maha Mulia ada hadir menanti di-balai penghadapan, lalu hormat berhormat-lah kedua2 Sultan itu, lalu dudok di atas singgahsana di-hadap oleh paduka anakanda baginda Tengku Rijaluddin dan segala menteri2 (Mohd Zahid Mohd Shah, 1968: 62).

Ternyata adab perundingan di atas telah berjaya mengubah niat kerajaan Aceh daripada ingin menyerang kepada hubungan berbaik-baik. Sultan Aceh menunjukkan sifat positif dalam perundingan tersebut dan bersetuju menjalinkan hubungan diplomatik dengan Kedah. Keberhasilan perundingan itu dapat dilihat daripada tindakan balas yang positif daripada Sultan Iskandar Mahkota Alam.

Petikan 1:

Pada ketika itu **layu-lah hati** Sultan Iskandar hendak meneruskan maksud-nya. (Mohd Zahid Mohd Shah, 1968: 62)

Petikan 2 :

Maka Sultan Iskandar dengan segala hulubalang-nya sangat **hairan serta malu** yang amat sangat melihat menteri2 hulubalang pahlawan yang tertib lendit peratoran mereka di-balai penghadapan itu (Mohd Zahid Mohd Shah, 1968: 63).


Petikan 3:

Pada ketika itu **luput-lah maksud di-hati** Sultan Iskandar Mahkota Alam hendak mengambil negeri Kedah, serta Sultan Iskandar pun beraleh hati-nya kapada berkaseh2an dengan Sultan Sulaiman Shah seperti saudara-nya sendiri (Mohd Zahid Mohd Shah, 1968: 63).

Implikasi daripada adab perundingan yang ditunjukkan oleh Kedah itu, Sultan Aceh telah mempelawa Sultan Sulaiman untuk mengikutinya kembali ke tanah air. Tujuan Sultan Sulaiman mengikuti Sultan Iskandar Mahkota Alam adalah untuk mendekati Sultan Iskandar Mahkota Alam secara peribadi. Hal demikian akan merapatkan hubungan antara dua kerajaan dan memudahkan segala urusan sama ada daripada aspek sosial, politik mahupun hal yang melibatkan urusaniaga sekiranya diperlukan kelak. Oleh itu, pemergian Sultan Sulaiman ke Aceh dapat membantu baginda mengenal pasti keperluan hubungan diplomatik yang perlu dititikberatkan dalam menentukan masa depan kerajaan Kedah sebagai kerajaan baharu di Utara Semenanjung Tanah Melayu. Di sinilah adab perundingan menang-menang diaplikasikan. Menurut Larry R.Smeltzer et. al. (2002), terdapat empat elemen yang perlu dipatuhi untuk menjayakan pendekatan menang-menang. Elemen tersebut ialah a) kerjasama, b) kepercayaan, c) kesamaan status, d) penerimaan matlamat bersama. Elemen tersebut sememangnya diaplikasikan oleh pemerintah kerajaan Kedah dalam menjalinkan hubungan diplomatik.

## KESIMPULAN

Berdasarkan perbincangan di atas, adab perundingan menang-menang ini sememangnya telah memberikan implikasi yang terbaik kepada kerajaan Kedah dan kerajaan yang menjalinkan hubungan diplomatik dengannya. Banyak faktor penarik yang menyebabkan Kedah dapat menambat hati pemerintah luar. Salah satunya disebabkan adab yang menjadi pegangan pemerintah Kedah dan tidak mendahulukan keegoan diri dalam menyelesaikan masalah. Selain itu, adab perundingan menang-menang yang diaplikasikan oleh pemerintah Kedah dalam menjalinkan hubungan diplomatik dapat ditelusuri menerusi Model Dwi-Tumpuan (Pruitt and Rubin Dual Concerns Model, 1986) di bawah;



Dalam model ini, Pruitt dan Rubin menerangkan *problem solving* (menang-menang) merupakan cara terbaik dalam perundingan atau kerjasama kerana ianya memberi kebaikan kepada diri sendiri mahupun juga kepada pihak lawan. Dengan itu, kedua-dua belah pihak akan sama-sama mendapat manfaat secara saksama dan tidak wujud pertikaian. Menurut Larry R.Smeltzer et. al. (2002) pula, strategi 'menang-menang' adalah pendekatan yang lebih tepat dalam penyelesaian masalah secara bersama. Ini menunjukkan bahawa tiada pihak yang salah dan tiada pihak yang betul, tetapi penyelesaian masalah secara bersama lebih diutamakan agar kerjasama atau perkongsian yang dipersetujui tidak berlaku sebarang masalah.

## **BIBLIOGRAFI**

- Abdul Aziz Hussin. 2010. *Panduan Umum Undang-undang Jenayah di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, Edisi Kedua.
- Abdullah Hassan & Ainon Mohd. 2007. *Teori dan Teknik Kepimpinan : Panduan Aplikasi di Tempat Kerja*. Kuala Lumpur : PTS Professional.
- Ahmad Jelani Halimi. 2008. *Sejarah dan Tamadun Bangsa Melayu*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors.
- Asrar Omar. (2003). Apa Itu Hubungan Luar? Dalam Zulhilmi Paidi dan Asrar Omar (Eds.), *Hubungan Luar Antarabangsa*. Bentong: PTS Publication & Distributors Sdn.Bhd.
- David Oliver. 2009. *Membuat Perundingan dengan Berkesan*. ITNMB Kuala Lumpur.
- Hamzah Ya'qub. 1993. *Etika Islam*. Bandung: CV. Diponegoro.
- Hassan Ahmad. 2006. *Ke Arah Kelahiran Melayu Global*. Shah Alam: Alaf 21 Sdn Berhad.
- Henderson, C.W. (1998). *International Relation: Conflict and Cooperation at the Turn of the 21st Century*. Boston: McGraw-Hill.
- Ibrahim Anis. 1972. *Al-Mu'jam Al-Wasit*. Caherah: Darul Ma'arif.
- Ismail Saleh. 2003. *Sejarah Kesultanan Kedah Darul Aman*. Kertas kerja, Bengkel Kajian Naskhah Kesultanan Melayu III, Auditorium Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Kedah, Kedah, Jun.
- Jelani Harun. 2003. *Al-Tarikh Salasilah Negeri Kedah Darul Aman: Muhammad Hassan dan Kepengarangan Istana Melayu Awal Abad ke-20*. Kertas kerja, Bengkel Kajian Naskhah Kesultanan Melayu III, Auditorium Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Kedah, Kedah, Jun.
- Katz, D., & Kahn, R.L. (1978). *The Social Sociology of Organization*. New York: Wiley.
- Md. Yadi Said. 2006. *Mengurus Konflik*. Kuala Lumpur: PTS Professional Publishing.
- Mohamad Faisal Keling & Mohammad Fuad Othman. 2006. *Pengajian Strategi Ilmu Sebagai Disiplin*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors.

- Mohd Zahid Mohd Shah (Peny.). (1968). *Al-Tarikh Salasilah Negeri Kedah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd. Isa Othman. 2002. “Al-Tarikh Salasilah Negeri Kedah Dalam Konteks Penulisan Sejarah Kedah” Dlm. my Kedah.Com, 2002 (Atas talian). Muat Turun 15 Ogos 2017, dari [http://www.mykedah2.com/10heritage/106\\_2\\_p2.htm#sub3](http://www.mykedah2.com/10heritage/106_2_p2.htm#sub3).
- Mokhtar Muhammad. 2005. *Perhubungan Antarabangsa: Konsep dan Konteks*. Kuala Lumpur: Anzagain Sdn. Bhd.
- Muhammad Naquib Al-Attas. 1996. *Konsep Pendidikan Dalam Islam*. Bandung :Mizan
- Sahilun A. Nasir.1991. *Tinjauan Akhlak*.Surabaya: Al Ikhlas.
- Salmah Jan Noor Muhamad. 2015. Warkah Sebagai Medium Diplomatik Kesultanan Melayu Dalam Menjalankan Hubungan Dengan Kuasa Barat. *Jurnal Melayu*. Bil. 14 (1) 2015, 136-148.
- Valentijn, F. (1884). Description of Malacca. *JSBRAS*, 13, 49–74.
- Victor A. Pogadaev. 2010. Perjuangan Kesultanan Aceh Mempertahankan Kemerdekaannya: Diplomasi Sulit dan Politik Intrik. *Jurnal Terjemahan Alam & Tamadun Melayu*, 2(1), 182-193.
- Zulkifly Muda. 2009. *Apa Kata Islam Mengenai Hubungan Sosial*. Batu Caves: PTS Publications & Distributors Sdn. Bhd.